

Sinar Harian 4/9/2018 m/s 23



Bangkai ikan lumba- lumba ditemui terdampar di pantai Kampung Telong selepas dipercayai mengalami kecederaan pada beberapa bahagian badannya.

Ikan lumba-lumba ditemui mati terdampar

BACHOK - Seekor bangkai ikan lumba- lumba ditemui mati terdampar oleh orang awam di pesisir Pantai Telong pagi kelmarin.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Kelantan, Anuar Salam Sulaiman berkata, pihak Jabatan Perikanan Kelantan telah menerima laporan berkaitan penemuan itu oleh seorang penginap di sebuah pusat peranginan berdekatan.

Menurutnya, pengadu yang berjoging di sekitar pantai berkenaan telah menemui bangkai ikan lumba- lumba berkenaan kira- kira jam 7.30 pagi.

"Pihak kami telah menerima laporan berkaitan

penemuan itu melalui aplikasi 'WhatsApp' jam 11 pagi dan kami telah memaklumkan kakitangan untuk ke lokasi bagi menyasat perkara terbabit. Kami telah menemu bual orang awam berkenaan dan memeriksa bangkai tersebut sebelum memaklumkan Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Rantau Abang, Terengganu.

"Ikan lumba- lumba dengan nama saintifiknya 'Neophocaena Phocaenoides' atau nama tempatannya, 'Porpois Ambu' itu dipercayai telah mati dalam tempoh dua hari lalu," katanya kepada Sinar Harian semalam.

Anuar Salam berkata, hasil maklum balas daripada FRI Rantau Abang, bangkai ikan lumba- lumba itu disyorkan untuk segera ditanam di lokasi berhampiran.

Katanya, berdasarkan kecederaan yang dialami pada beberapa bahagian kepala, badan dan ekornya ikan itu dipercayai terkena jaring pukat.

Difahamkan, penemuan ikan lumba- lumba di Bachok ini adalah pertama kali dalam tahun ini.

Sebelum ini pada 2016 seekor bangkai ikan lumba- lumba juga pernah ditemui terdampar di pantai Sungai Gali, Kandis.